



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bukan sebab loji IWK

Efluen terawat dilepaskan ke Sungai Kayu Ara patuhi piawai JAS

NUR FARHANA ABDUL MANAN

KUALA LUMPUR

I ndah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menafikan loji kumbahan di bawah seliaannya menjadi punca pencemaran di Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya.

Jabatan Komunikasi Korporat IWK dalam satu kenyataan memaklumkan, semua loji rawatan kumbahannya yang beroperasi berdekatan sungai tersebut berada dalam keadaan baik dan mematuhi piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

JAS ambil tindakan undang-undang pencemaran Sungai Kayu Ara

NUR FARHANA ABDUL MANAN | 16 Julai 2019

Pencemaran Sungai Kayu Ara perlu maklumat orang ramai



IWK menafikan loji kumbahan di bawah seliaannya menjadi punca pencemaran di Sungai Kayu Ara.

Menurut kenyataan itu, sebelum ini beberapa laporan media mengaitkan IWK sebagai punca pencemaran susulan penemuan ratusan ikan yang mati.

"IWK menafikan sebarang kenyataan yang membabitkan

IWK sebagai punca pencemaran.

"Terdapat enam loji rawatan kumbahan berdekatan Sungai Kayu Ara, hanya satu melepaskan efluen terawat kepada sungai itu manakala selebihnya mengalir ke long-

kang monsun.

"Semua efluen terawat dilepaskan daripada loji-loji IWK mematuhi piawaian JAS," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, IWK mengadakan pertemuan dengan pihak berkuasa dan agensi terlibat 15 Julai lalu.

IWK akan memberikan kerjasama kepada semua agensi kawal selia dan pihak berkuasa tempatan berkaitan isu pencemaran terbabit.

"Kami sentiasa berusaha sediakan perkhidmatan pembetulan cekap dan memastikan semua kerja operasi dan penyelenggaraan di 6,700 loji rawatan kumbahan mematuhi spesifikasi dan prosedur ditetapkan pihak berkuasa.

"Kolam pembetulan di Seksyen 10, Petaling Jaya telah dinyah operasi di bawah projek GKL, yang siap pada 2017," kata kenyataan itu lagi.